



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia
No. Tel: 03-8886 6221, E-mel: infomitra@mitra.gov.my

MITRA.100-9/1/1 (47)

KENYATAAN MEDIA
PERMOHONAN BANTUAN SUBSIDI PENDIDIKAN AWAL
"CELIK MADANI 2026" UNTUK KANAK-KANAK B40

PUTRAJAYA, 30 April 2026 – MITRA mempelawa semua pengurus Tadika Swasta Tamil yang berdaftar dengan **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** serta **memenuhi syarat yang ditetapkan** untuk mengemukakan permohonan Bantuan Subsidi Pendidikan Awal CELIK MADANI 2026, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan MADANI memperluas akses kepada pendidikan awal yang berkualiti dan inklusif. Sebanyak **RM12.65 juta** untuk **5,000 kanak-kanak** telah diperuntukkan bagi pelaksanaan inisiatif ini, dengan kadar bantuan yuran bulanan sehingga **RM150 dan sarapan pagi RM80 bagi setiap kanak-kanak**, tertakluk kepada yuran tadika yang diluluskan oleh KPM.

Inisiatif CELIK MADANI 2026 diperkenalkan bagi memastikan tiada kanak-kanak tercicir daripada akses kepada pendidikan awal, di samping meringankan beban kewangan ibu bapa, khususnya dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah. Pendidikan prasekolah merupakan asas penting dalam membentuk perkembangan kognitif, sosial dan emosi kanak-kanak, seterusnya menyediakan mereka dengan landasan kukuh untuk menempuh pendidikan formal.

Sehubungan itu, akses kepada pendidikan awal yang berkualiti perlu diperkasa dan diperluas agar tidak terhad oleh kekangan kewangan. Pelaburan dalam pendidikan prasekolah bukan sahaja memberi manfaat jangka panjang kepada individu, malah menyumbang kepada pembentukan modal insan yang berkualiti serta kemajuan negara secara menyeluruh.

Syarat-syarat utama yang perlu dipatuhi oleh pengurusan Tadika adalah

- i. Bantuan subsidi adalah kepada **kanak-kanak India Keluarga B40** yang berumur 4-6 tahun;
- ii. Tadika swasta yang berdaftar di bawah KPM dan melaksanakan **Kurikulum Prasekolah (KP 2026)**;
- iii. Sijil perakuan pendaftaran tadika yang masih **aktif** dalam tahun semasa;
- iv. Tadika swasta yang menggunakan Bahasa Tamil, Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama;
- v. Mengemaskini maklumat dalam **Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK)**;
- vi. Mengemukakan **surat permohonan bantuan** subsidi yang ditandatangani oleh ibu bapa atau penjaga;
- vii. Mengemukakan **Skor Standard Kualiti Prasekolah (SKPK)**; dan
- viii. Permohonan yang tidak lengkap atau dikemukakan selepas tarikh tutup **tidak akan dipertimbangkan**.

Semua permohonan hendaklah dikemukakan secara dalam talian melalui borang *Google Form* yang disediakan. Para pengusaha tadika dinasihatkan untuk merujuk Garis Panduan Permohonan terlebih dahulu melalui pautan <https://shorturl.at/F4Ula> bagi memastikan semua syarat dan tatacara permohonan dipatuhi dengan tepat.

Permohonan ini dibuka mulai 1 Mei 2026 (Jumaat) hingga 20 Mei 2026 (Rabu). Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan Celik Madani 2026 boleh diajukan kepada pegawai MITRA di talian 03-8892 3442, dalam tempoh waktu pejabat dari 9.00 pagi hingga 5.00 petang atau emel kepada spl@mitra.gov.my .

-TAMAT-

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
30 APRIL 2026**